

PM: Kita mesti bersyukur



DATUK SRI DR. MAHATHIR

20 JUN 1985

KUALA LUMPUR 19 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengajak rakyat sama-sama mewujudkan satu masyarakat yang bersyukur bagi memelihara perpaduan yang selama ini menjadi asas untuk mencapai kemajuan dunia dan akhirat.

UM
Menurut Perdana Menteri, masih terdapat satu golongan kecil rakyat yang bukan sahaja tidak bersyukur dengan kesenangan hidup di negara ini, malah menjadi bongkak.

Kerajaan, katanya, tetap bersyukur kerana majoriti rakyat dan majoriti ummah di negara ini sedar tentang pentingnya perpaduan sebagai asas untuk mencapai kemajuan di dunia dan di akhirat.

Perdana Menteri mengingatkan, rakyat hendaklah juga bersyukur kerana mereka tidak tertekan atau terkongkong dan hak asasi masing-masing yang tidak bercanggah dengan kepentingan masyarakat adalah terpelihara.

"Inilah negara kita. Tiada halangan untuk kita beribadat, bahkan tempat-tempat ibadat semakin hari semakin bertambah dan semakin selesa," katanya.

Golongan tersebut, katanya, tidak menginsafi pentingnya keamanan, kestabilan dan ketenteraman.

"Sebaliknya mereka sengaja memecah-belahkan masyarakat dengan membesar-besarkan perkara-perkara kecil dan suka bertindak dengan melulu, tanpa mempedulikan tindak-tanduk mereka boleh mendatangkan gejala buruk," tegas beliau dalam perutusan Hari Rayanya yang disiarkan melalui RTM.

Menurutnya, golongan tersebut kurang bersyukur ke atas apa yang diperolehi oleh mereka sendiri dan apa yang diusahakan oleh negara.

Perdana Menteri menegaskan, golongan itu juga tidak bersyukur dengan berbagai perkara lain, tetapi yang paling menyedihkan ialah mereka tidak bersyukur dengan usaha-usaha menanam nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

"Apabila kurang bersyukur, timbullah kebongkakan dan, kebongkakan inilah yang selalu membawa tamadun atau keutuhan sesuatu masyarakat itu kepada kemusnahan," katanya.

Beliau menambah, tindak-tanduk golongan tersebut selalu mencetuskan masalah dan perpecahan kerana mereka mengutamakan kepuasan nafsu dalam jangka pendek, walaupun mereka akan mengalami kesan buruk dalam jangka panjang.

Sempena dengan Hari Raya ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru rakyat menghulurkan tangan persembahan kepada mereka yang suka kepada sengketa dan menyeru supaya mereka itu insaf dan bersyukur dan kembali kepada persaudaraan yang dituntut oleh Islam.

Ucapan Selamat Hari Raya dari PM

20 JUN 1985

KUALA LUMPUR 19
Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam.

Perdana Menteri dan isterinya mengadakan rumah terbuka pada Hari Raya pertama di Sri Perdana, Jalan Damansara dari pukul 11 pagi hingga 1.30 tengah hari dan dari 3 hingga 6 petang.